

Persepsi Belia Terhadap Etos Bangsa: Kajian di Lembah Kelang

Perceptions of Youth on the National Ethos: Studies in Kelang Valley

NAZRI MUSLIM, MOHD MAHADEE ISMAIL & AZIZAH YA'ACOB

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi belia terhadap etos bangsa. Kajian ini melibatkan seramai 400 responden yang dipilih sekitar Lembah Kelang. Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan program SPSS. Untuk itu, statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, statistik jadual silang (cross tabulation) dan correlation coefficient digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan persepsi belia terhadap etos bangsa. Hasil kajian menunjukkan persepsi belia terhadap etos bangsa adalah baik. Dapatkan kajian juga menunjukkan penerimaan belia terhadap etos bangsa iaitu daripada segi nilai, semangat, kepercayaan dan identiti adalah tinggi.

Kata kunci: Belia; etos bangsa; nilai; semangat; kepercayaan; identiti

ABSTRACT

This study aims to analyze the youth perception on the national ethos. About 400 respondents around Kelang Valley were selected to participate in this study. Data was collected through questionnaires and analyzed using SPSS. Descriptive statistics such as frequency, percentage, mean, statistical cross tabulation and the correlation coefficient were used to describe the background of the respondents and the perception of youth on the national ethos. The results showed that the youth perception on the national ethos was good. The findings also indicated the youth acceptance of the national ethos in terms of value, belief and identity was high.

Keywords: Youth; national ethos; values; spirit, believe; identity

PENGENALAN

Kajian tentang etos bangsa di Malaysia masih belum mendapat tempat yang luas dalam kalangan sarjana. Hal ini kerana masih terdapat perdebatan yang belum menemui noktah tentang apa sebenarnya yang terkandung dalam konsep etos. Hakikatnya, dalam korpus ilmu sains sosial, konsep etos bukanlah satu konsep yang baru. Konsep ini telah digunakan sejak zaman-berzaman, di mana perkataan etos berasal daripada perkataan Greek yang membawa makna perwatakan atau karakter (Burchard 2005; Mansor et al. 2006; Schwaninger 2006; Speake 1999) dan ianya sangat bernilai atau membawa makna dalam kehidupan masyarakat Greek kuno (Burchard 2005; Speake 1999). Menurut Mansor et al. (2006: 291), perkataan etos berasal daripada perkataan etika, sikap, keperibadian, watak, karakter, serta keyakinan atas sesuatu perkara. Frobish (2003) menekankan bahawa etos itu sebagai watak seseorang yang bergantung sepenuhnya kepada tindakan. Akan tetapi menurut seorang pengkaji etos iaitu Bar-Tal (2000), etos boleh dikatakan satu konsep umum

tanpa definisi yang formal. Tambah beliau lagi, sehingga kini tidak ada persetujuan dalam kalangan sarjana tentang definisi konsep etos ini yang menyebabkan ianya telah digunakan dalam pelbagai bentuk dan makna (Bar-Tal 2000; McLaughlin 2005). Oleh sebab itu, Bar-Tal (2000) menegaskan bahawa konsep etos pada asalnya agak samar-samar dan digunakan untuk menandakan norma-norma dan tingkah laku asas sosial masyarakat. Daripada konsep asas etos inilah yang akhirnya melahirkan konsep etos bangsa.

KAJIAN LEPAS

Konsep etos bangsa telah dipopularkan oleh Bar-Tal (2000), Majid Al-Haj (2005), Amitai Etzioni (2009) dan Neta Oren (2009). Bar-Tal (2000) melihat etos bangsa sebagai satu bentuk kepercayaan masyarakat yang bertahan lama, dikongsi oleh sebahagian besar anggota masyarakat dan memberi tumpuan kepada masa depan masyarakat. Selain itu, menurut Majid Al-Haj (2005) pula, etos bangsa

boleh dianggap sebagai bahagian utama hak kolektif budaya, dan setiap kumpulan mempunyai autonomi tersendiri dalam memutuskan apakah bentuk atau jenis etos bangsa yang diperlukan oleh mereka bagi mengekalkan ingatan kolektif dan membangunkan identiti mereka. Manakala Etzioni (2009) menjelaskan bahawa istilah etos bangsa merujuk kepada nilai-nilai khas, tradisi, identiti dan wawasan masa depan (atau takdir) sesebuah bangsa. Oren (2009) kemudiannya mengembangkan konsep etos bangsa yang dikemukakan oleh Bar-Tal (2000) dengan melihat kepercayaan masyarakat dalam tiga elemen utama iaitu kepercayaan, sikap dan nilai-nilai tertentu. Etos bangsa merupakan ciri budaya suci sebuah masyarakat yang melibatkan unsur-unsur seperti nilai-nilai, norma, adat istiadat, undang-undang dan pantang larang (Swenson 2008). Etos bangsa akan mempengaruhi tindakan, sikap dan tingkah laku ahli-ahli masyarakat (Bar-Tal 2000; Swenson 2008). Etzioni (2009) turut menekankan bahawa etos bangsa terbentuk apabila masyarakat terikat antara satu sama lain dan berkongsi nilai yang sama. Manakala Lomsky-Feder dan Rapoport (2001), dan Schwaninger (2006) melihat konsep etos bangsa sebagai suatu bentuk identiti kolektif masyarakat yang menjadi tuntutan moral sesebuah bangsa atau organisasi. Etos bangsa menunjukkan sifat-sifat kolektiviti yang relevan wujud dalam masyarakat, akan tetapi kebanyakan ahli-ahli masyarakat mungkin tidak mampu untuk menjawai sifat kolektiviti tersebut, atau melihatnya daripada sudut yang positif (Etzioni 2009). Selain itu, pegangan terhadap sesuatu etos bangsa juga akan memperkuuhkan tanggungjawab sivik (Ezhar et al. 2005).

Dalam mengupas lanjut konsep ini, Bar-Tal (2000: xiii-xiv) dan Oren (2009: 2), menegaskan bahawa etos bangsa adalah sebagai “*a particular configuration of central societal beliefs, attitudes and values, that are enduring and shared by most members of society and that focus on the society's present and future*”. Kepercayaan-kepercayaan tersebut bukan sahaja sebagai proses biasa dalam psikologi sosial, tetapi sebagai suatu unsur penting bagi mencapai kesejahteraan dan survival mana-mana masyarakat (Bar-Tal 2000). Bentuk kepercayaan ini boleh dikategorikan kepada preskriptif dan deskriptif. Kepercayaan masyarakat yang berbentuk preskriptif merujuk kepada nilai-nilai, norma dan matlamat yang hendak dicapai oleh masyarakat seperti jaminan keselamatan, demokrasi dan keamanan (Oren 2009). Manakala kepercayaan masyarakat yang berbentuk deskriptif pula merujuk

kepada pengalaman lepas atau keadaan semasa yang dilalui oleh masyarakat (Oren 2006, 2009). Contohnya, masyarakat pelbagai etnik Malaysia menganggap Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu sejarah hitam yang perlu dielakkan dan perpaduan adalah teras kepada keamanan dalam masyarakat. Kepercayaan yang bersifat sedemikian membentuk etos bangsa bagi sesebuah masyarakat.

KONSEP ETOS BANGSA

Apa yang lebih utama ditekankan dalam konsep etos bangsa ialah pembentukan ingatan kolektif dan identiti kolektif yang menjadi acuan kepada pembentukan karakter nasional. Etos bangsa boleh menjadi suatu unsur yang ideal, membentuk nilai-nilai, prinsip dan norma-norma yang memberi panduan normatif kepada sesebuah masyarakat (Schwaninger 2006). Ikatan etos bangsa yang kuat menjadi asas utama dalam masyarakat yang bersifat pelbagai etnik, multi-budaya dan multi-agama (Ezhar et al. 2005). Hal ini kerana etos bangsa yang kuat boleh menjadi faktor yang menyatukan masyarakat (Ezhar et al. 2005). Sehubungan dengan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat bahawa bangsa Malaysia boleh dibentuk melalui pemupukan etos bangsa. Etos bangsa Malaysia pula perlu mengambil kira bentuk hubungan etnik yang terjalin dalam masyarakat multi etnik selama ini. Bentuk hubungan inilah yang menjadi penentu kepada proses pembinaan negara-bangsa (Mansor et al. 2006). Dalam konteks Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad (1992) telah mengemukakan etos bangsa sebagaimana berikut...

Building a nation out of diverse people with differing historical, ethnic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared historical experiences, (2) shared values, (3) a feeling of common identity, (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment, and (7) an emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos (Mahathir 1992).

Terdapat beberapa dimensi utama yang dapat menjelaskan etos bangsa sesebuah masyarakat. Etos bangsa terbina apabila masyarakat berkongsi nilai yang sama (Burchard 2005; Donnelly 2000; Eisner 1994; Etzioni 2009; Mahathir 1992; Mansor et al. 2006; McLaughlin 2005; Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004; Schwaninger 2006; Oren 2009). Nilai masyarakat yang dikongsi bersama merangkumi elemen kerjasama (Donnelly 2000; McLaughlin

2005), menghormati setiap individu (Schwaninger 2006), toleransi (McClosky & Brill 1983; Oren 2009), disiplin diri (etika atau moral) (Burchard 2005; Mansor et al. 2006) dan demokrasi (McClosky & Zaller 1984; Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004).

Di samping itu, etos bangsa juga akan terbina melalui perkongsian perasaan dan semangat (Adey 2012; Allder 1993; Bar-Tal 2000; Mahathir 1992; McLaughlin 2005; Nor Hashimah et al. 2004). Perasaan dan semangat dalam konteks etos bangsa dapat dikategorikan kepada perasaan kekitaan bersama (Burchard 2005; Nor Hashimah et al. 2004), semangat patriotisme dan nasionalisme (Bar-Tal 2000; Nor Hashimah et al. 2004; Schwaninger 2006; Oren 2009), dan perasaan sebagai seorang warganegara Malaysia (Nor Hashimah et al. 2004). Bar-Tal (2000) menegaskan bahawa patriotisme menggambarkan ‘motif asasi manusia’ yang dikongsi bersama dalam kehidupan bagi menyuburkan dan mengekalkan rasa keseragaman. Semangat kebangsaan ini penting bagi sesebuah masyarakat untuk wujud sebagai suatu kolektiviti yang positif dan perasaan identiti yang jelas (Bar-Tal 2000). Dalam pada itu, semangat yang bersifat kebangsaan ini perlu dikekalkan bagi mencapai kesepaduan sosial dan menjamin kelestarian survival sesebuah masyarakat (Bar-Tal 2000).

Etos bangsa membawa suatu unsur kepercayaan atau pegangan yang dikongsi bersama oleh anggota masyarakat (Bar-Tal 2000; Mahathir 1992; Nor Hashimah et al. 2004; Oren 2009). Unsur kepercayaan tersebut melibatkan perkongsian sejarah (Mahathir 1992; Nor Hashimah et al. 2004), perkongsian masa depan yang sama (Etzioni 2009; Mahathir 1992; Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004), masyarakat mempercayai perlombagaan dan undang-undang negara (Swenson 2008), masyarakat mempercayai dasar-dasar negara dan mempercayai kerajaan serta kepimpinan negara. Selain itu, kepercayaan terhadap dasar-dasar negara serta kepercayaan terhadap kerajaan dan kepimpinan negara juga boleh memberi gambaran yang lebih baik untuk menghuraikan kepercayaan masyarakat dalam konteks etos bangsa.

Etos bangsa juga membawa kepada pembentukan satu identiti (Bar-Tal 2000; Etzioni 2009; Mahathir 1992; Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004). Identiti itu menggambarkan suatu unsur unik sesebuah masyarakat yang stabil dan seragam (Bar-Tal 2000). Sesebuah masyarakat yang unggul akan berkongsi identiti sosial yang sama seperti mana yang dijelaskan oleh Bar-Tal (2000),

A society consists of a real collective of people who have a clear sense of common identity. These social collectives endure, evolving a tradition, culture, collective memory, belief systems, social structures, and institutions. ...Individuals who have a sense of being society members experience solidarity and a sense of unity. They establish, in essence, a common social identity (Bar-Tal 2000: xvi).

Sesebuah masyarakat tidak akan mempunyai identiti yang sama dengan sebuah masyarakat yang lain. Ia merupakan suatu set ciri-ciri berkekalan yang membawa unsur persamaan dalam sesebuah masyarakat. Masyarakat multietnik Malaysia juga membawa suatu identiti tersendiri. Untuk ini, identiti merujuk kepada beberapa sub-dimensi berikut iaitu bangsa Malaysia (Mahathir 1992; Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004), bahasa Malaysia (Mahathir 1992; Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004), simbol-simbol negara (Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004), dan beli barang buatan Malaysia (Nor Hashimah et al. 2003 dan 2004).

Pada dasarnya, etos bangsa boleh menjadi asas kepada kestabilan dan daya tahan sesebuah masyarakat atau organisasi (Schwaninger 2006). Ia adalah sumber fokus yang boleh menjadi wahana paling berkuasa untuk pembangunan dan perubahan masyarakat. Jika etos bangsa tidak dikongsi secara bersama, ia akan cenderung untuk menjadi halangan obstruktif kepada sesuatu transformasi dan inovasi (Schwaninger 2006). Selain itu, sesebuah masyarakat yang tidak mempunyai kesedaran tentang etos bangsa tidak akan berupaya untuk hidup sebagai satu unit kolektif apakah lagi untuk membentuk sebuah negara-bangsa yang ideal.

Berdasarkan kepada kupasan konsep berikut, etos bangsa boleh dikatakan menjadi pusat kepada agenda pembinaan negara-bangsa khususnya dalam konteks untuk mencapai matlamat perpaduan negara dan integrasi nasional. Sehubungan dengan itu, etos bangsa dengan lebih tepat boleh ditakrifkan sebagai “ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain, dan yang mengikat individu dengan negara” (Mohd Mahadee 2015). Ciri-ciri unik tersebut merangkumi empat dimensi utama iaitu nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan dan identiti (Mohd Mahadee 2015).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti persepsi belia terhadap etos bangsa.

SKOP KAJIAN

Skop kajian terhad kepada persepsi belia di Lembah Kelang mengenai etos bangsa.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian penting dalam membantu penyelidik untuk merangka, mencadang, mentafsir dan menstruktur penyelidikan supaya dapat mencari bukti untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Pemilihan statistik yang sesuai juga penting dalam membuat kesimpulan tentang data yang diperoleh. Menurut Borg dan Gall (1990), kaedah penyelidikan yang dipilih untuk menyelesaikan sesuatu masalah adalah bergantung pada hasil kajian lepas yang berkaitan dan teori-teori yang berkaitan dengan kajian tersebut.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif mengenai persepsi dalam kalangan belia. Menurut Wiersma (1985), kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian sesuatu program. Bentuk deskriptif juga digunakan sejajar dengan keperluan kajian iaitu untuk melihat sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid 1990). Maka, soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Menurut Tuckman (1999), soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Secara spesifiknya, kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif melalui penggunaan borang soal selidik.

POPULASI DAN PENSAMPELAN

Pemilihan sampel adalah berdasarkan pensampelan rawak di sekitar Lembah Kelang. Bagi memastikan setiap kaum diwakili, maka pensampelan rawak strata akan digunakan dan seramai 400 orang akan dijadikan responden dalam kajian ini berdasarkan formula populasi dengan nisbah 60: 30:10 mengikut etnik Melayu, Cina dan India berdasarkan komposisi jumlah penduduk di Malaysia.

Pemilihan sampel pula dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Pensampelan

berkelompok boleh digunakan dengan menentukan bilangan kelompok seperti mengikut negeri, daerah atau mukim. Pemilihan secara ini sesuai jika populasi besar dan bertaburan di merata tempat. Kaedah ini juga dapat menjimatkan masa serta mengurangkan pelbagai masalah kerana pengkaji mengelompokkan sampel dalam satu kelompok sebelum pemilihan secara rawak dilakukan. Maka, untuk menentukan bilangan responden, Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan 1970) digunakan. Dari itu, seramai 400 belia akan dijadikan responden dalam kajian ini berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan 1970).

INSTRUMENTASI DAN PENGGUBALAN SOAL SELIDIK

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Menurut Oppenheim (2004) dan Tuckman (1999) bahawa soal selidik dan temu bual merupakan dua bentuk instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat daripada responden selain membuat perhatian. Semua soalan berbentuk positif dan responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka mengikut skala Likert. Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan B.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian meliputi item-item yang dibina berdasarkan sorotan karya dan objektif kajian menyatakan persepsi mereka mengikut skala Likert 1-5 iaitu 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak Setuju, 3 - Tidak pasti, 4 - Setuju dan 5 - Sangat Setuju yang meliputi:

1. Bahagian A: Demografi
2. Bahagian B: Etos Bangsa

KEBOLEHPERCAYAAN

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketabilan dan ketekalan instrumen dalam mengukur sesuatu konsep. Ujian yang popular dan sering digunakan dalam mengukur ketekalan dalam sesuatu konsep ialah Alpha Cronbach. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah antara 0.0 hingga 1.0. Menurut Sekaran, nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang kurang 0.60 dianggap rendah dan tidak diterima, nilai Alpha Cronbach antara 0.6 hingga 0.8 adalah diterima dan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8 adalah dianggap baik (Sekaran 1992). Menurut Mohd Majid (1990), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60

sering diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sebagai nilai kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik yang diuji. Seterusnya, untuk menentukan nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik yang telah disediakan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis.

KAJIAN RINTIS

Tinjauan rintis dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan. Oleh itu, sebelum soal selidik diedarkan, 50 orang pelajar telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu. Hasil yang didapati menunjukkan 50 orang mahasiswa tersebut tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan tanpa bertanya apa yang dikehendaki oleh soalan tersebut. Seterusnya, dengan menggunakan program SPSS, penyelidik telah mengira nilai kebolehpercayaan dan nilai Alpha Cronbach yang diperoleh. Didapati nilai Alpha Cronbach yang diperoleh bagi kesemua item soalan adalah melebihi 0.6. Oleh itu, soal selidik yang dibina untuk menjalankan kajian ini adalah sesuai digunakan.

PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data akan diperoleh daripada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada soal selidik kepada responden yang menggunakan pensampelan rawak. Manakala data sekunder diperoleh daripada kajian keperpustakaan melalui buku, seminar, jurnal, akhbar dan majalah. Ia bertujuan untuk memahami teori dan konsep penting dalam kajian.

ANALISIS DATA

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science*

(SPSS) versi 20 melalui min, sisihan piawai, *Chi square* dan *cross-tabulation*. Menurut Mohd Majid (1990), penganalisisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS versi 20 dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan kerana itu bebas daripada ralat serta mampu memberikan maklumat lebih tepat. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, purata skor atau min, statistik jadual silang (*cross tabulation*) dan *correlation coefficient* digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menilai persepsi belia terhadap etos bangsa.

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Responden kajian terdiri daripada golongan belia yang tinggal di sekitar Lembah Kelang. Seramai 400 orang telah menjawab soal selidik. Latar belakang responden ditanya dalam Bahagian A soal selidik. Perbincangan latar belakang responden ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil, latar belakang akademik dan tempat tinggal responden. Jadual 1 memaparkan maklumat mengenai responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada seramai 400 orang responden, seramai 194 orang (48.5%) adalah perempuan, manakala lelaki seramai 206 orang (51.5%). Sebilangan besar responden iaitu seramai 240 orang (60.0%) adalah dari etnik Melayu, diikuti oleh seramai 120 orang (30.0%) adalah dari kumpulan etnik Cina, manakala responden dari kumpulan etnik India adalah seramai 40 orang (10.0%). Taburan responden ini adalah sepertimana yang telah ditetapkan dalam nisbah penentuan responden mengikut etnik iaitu Melayu 60%, Cina 30% dan India 10% bagi menggambarkan statistik penduduk Malaysia. Komposisi responden yang diperoleh ini juga menunjukkan bahawa sebilangan besar responden beragama Islam iaitu seramai 244 orang (61.0%), diikuti dengan responden beragama Buddha seramai 113 orang (28.2%). Manakala, terdapat seramai 34 orang (8.5%) responden menganut agama Hindu, 8 orang (2.0%) beragama Kristian dan tiada agama hanya satu orang (0.3%) sahaja.

JADUAL 1. Profil responden

	<i>n</i> = 400	Bilangan	Peratusan
Jantina			
Lelaki	206	51.5	
Perempuan	194	48.5	
Bangsa			
Melayu	240	60.0	
Cina	120	30.0	
India	40	10.0	
Agama			
Islam	244	61.0	
Buddha	113	28.2	
Hindu	34	8.5	
Kristian	8	2.0	
Tiada Agama	1	0.3	
Pekerjaan			
Kerajaan	68	17.0	
Swasta	206	51.5	
Bekerja sendiri	30	7.5	
Pelajar	26	6.0	
Tidak bekerja	72	18.0	
Pendapatan			
Bawah RM1000	96	24.0	
RM1001 – RM3000	114	28.5	
RM3001 – RM5000	135	33.8	
RM5001 – RM7000	33	8.3	
RM7001 – RM9000	20	5.0	
Lebih RM10000	2	0.5	

JADUAL 2. Latar belakang akademik responden

	<i>n</i> = 400	Bilangan	Peratusan
Pendidikan			
Sekolah Rendah	1	0.3	
Sekolah Menengah	109	27.3	
STPM / Diploma	151	37.8	
Sarjana Muda / Sarjana / PhD	139	34.8	

Jadual 2 memaparkan maklumat mengenai latar belakang responden yang berkait dengan tahap pendidikan iaitu seramai satu orang (0.3%) berpendidikan setakat Sekolah Rendah, seramai 109 orang (27.3%) mendapat pendidikan sehingga Sekolah Menengah, seramai 151 orang (37.8%)

responden yang mendapat pendidikan sehingga ke peringkat STPM / Diploma dan seramai 139 orang (34.8%) responden memiliki Ijazah seperti Sarjana Muda / Sarjana / PhD. Latar belakang pendidikan ini menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai tahap pendidikan yang baik.

JADUAL 3. Tempat tinggal responden

	<i>n</i> = 400	Bilangan	Peratusan
Tempat tinggal sekarang			
Bandar	108	27.0	
Pinggir bandar	292	73.0	

Dalam tinjauan yang dijalankan, responden juga ditanya mengenai kawasan tempat tinggal mereka sekarang. Dapatkan kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 3. Didapati, majoriti responden iaitu seramai 292 orang (73.0%) tinggal di pinggir bandar berbanding seramai 108 orang (27.0%) responden tinggal di kawasan bandar.

PERSEPSI BELIA TERHADAP ETOS BANGSA

Penyelidikan ini menggunakan konsep etos bangsa sebagai suatu unsur yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain, dan mengikat individu dengan negara berteraskan kepada beberapa elemen utama yang menjadi pegangan masyarakat setempat. Elemen utama yang dimaksudkan tersebut merangkumi nilai, semangat, kepercayaan dan identiti. Unsur yang dikongsi bersama ini menjadi asas kepada amalan sosial dalam kehidupan seharian masyarakat khususnya dalam kalangan belia masa kini. Pegangan terhadap etos bangsa ini akan melahirkan sentimen dan semangat yang akan mempengaruhi kecenderungan serta sikap seseorang individu untuk lebih berjiwa kebangsaan. Fenomena ini boleh menyumbang kepada kesepadan sosial dan seterusnya dapat menjamin keharmonian dalam masyarakat.

Dimensi pertama yang diukur ialah dimensi nilai. Nilai merupakan elemen utama yang menentukan etos bangsa bagi sesebuah masyarakat dan negara. Ini kerana semakin kuat sesebuah masyarakat berpegang dan mendukung nilai yang sama maka secara tersirat semakin kuatlah ikatan yang terbina dalam kalangan mereka. Selain itu, elemen nilai juga mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk watak masyarakat. Sehubungan dengan itu, dalam mengukur dimensi nilai etos bangsa belia, sebanyak lima sub-dimensi telah digunakan merangkumi; (i) nilai kerjasama; (ii) nilai hormat; (iii) nilai toleransi; (iv) nilai disiplin diri; dan (v) nilai demokrasi.

Merujuk kepada Jadual 4, hasil kajian memaparkan lebih dari 75% responden yang menunjukkan mereka sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada orang lain tanpa mengira perbezaan kumpulan etnik mahupun perbezaan pegangan agama. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar kumpulan belia Malaysia telah memahami kepentingan hidup bersama dalam konteks kepelbagaian masyarakat. Malah, apa yang lebih menarik ialah faktor kepelbagaian tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk bekerjasama di antara satu sama lain. Walaupun terdapat segelintir kumpulan belia yang masih menyatakan sikap kerjasama antara kumpulan etnik kurang penting, tetapi kumpulan tersebut adalah kecil iaitu kurang dari 22% daripada jumlah keseluruhan responden.

JADUAL 4. Dimensi nilai: Kerjasama

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada orang lain	8 (2.0)	76 (19.0)	316 (79.0)
Kerjasama antara kumpulan etnik amat penting bagi saya	3 (0.8)	86 (21.5)	311 (77.8)
Saya sentiasa membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira perbezaan etnik dan agama	7 (1.8)	51 (12.8)	342 (85.5)

Jadual 5 menjelaskan tentang etos bangsa belia daripada perspektif dimensi nilai bagi sub-dimensi hormat. Hasil kajian memaparkan lebih 75% daripada jumlah keseluruhan responden menunjukkan mereka menghormati kumpulan etnik lain, agama, kepercayaan, budaya dan tradisi yang dipegang oleh setiap kumpulan etnik. Perkembangan ini membuktikan bahawa sebahagian besar kumpulan belia di Malaysia memahami,

menerima dan mengiktiraf wujudnya kepelbagaian serta kerencaman sosial di negara ini sehingga melahirkan rasa hormat antara satu sama lain. Tanpa memahami dan menerima kepelbagaian yang wujud serta mengiktiraf kerencaman sosial dalam masyarakat, perasaan hormat tidak akan lahir dalam diri individu. Senario ini membawa satu lembaran positif dalam kehidupan belia Malaysia.

JADUAL 5. Dimensi nilai: Hormat

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya menghormati kumpulan etnik lain	4 (1.0)	52 (13.0)	344 (86.0)
Saya menghormati agama dan kepercayaan kumpulan etnik lain	11 (2.8)	78 (19.5)	311 (77.8)
Saya menghormati budaya dan tradisi kumpulan etnik lain	4 (1.0)	54 (13.5)	342 (85.5)

Jadual 6 memerihalkan persepsi belia tentang etos bangsa daripada dimensi nilai bagi sub-dimensi toleransi. Dapatan kajian memperlihatkan lebih dari 80% daripada jumlah keseluruhan responden menunjukkan mereka mempunyai tahap toleransi yang tinggi. Sebahagian besar daripada kumpulan belia bukan sahaja bersedia selesa untuk berkawan dengan kenalan dari kumpulan etnik dan agama yang berbeza. Mereka menerima dengan hati yang terbuka perbezaan yang wujud antara mereka dan tidak mempunyai masalah untuk tinggal berjiran dengan kumpulan etnik

dan agama yang berbeza. Ini menunjukkan sikap keterbukaan yang tinggi antara satu sama lain. Dengan sikap keterbukaan yang tinggi ini, konflik yang wujud dalam masyarakat lebih mudah untuk diatasi. Keadaan ini memungkinkan keharmonian dalam masyarakat dapat dikedekalkan. Sementara itu, hasil kajian menunjukkan tidak sampai 20% dari jumlah keseluruhan responden yang bersikap kurang toleransi. Namun begitu, jumlah responden yang bersikap sedemikian adalah kecil dan tidak menjelaskan persepsi keseluruhan belia yang dikaji.

JADUAL 6. Dimensi nilai: Toleransi

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya selesa berkawan dengan kenalan yang berbeza etnik, dan agama dengan saya	4 (1.0)	42 (10.5)	354 (88.5)
Saya menerima dengan hati yang terbuka wujudnya perbezaan agama, budaya dan kepercayaan di negara ini	0 (0.0)	65 (16.3)	335 (83.8)
Saya tidak mempunyai masalah untuk berjiran dengan kumpulan etnik dan agama yang berbeza dengan saya	5 (1.3)	56 (14.0)	339 (84.8)

Jadual 7 menunjukkan etos bangsa responden bagi dimensi nilai sub-dimensi disiplin diri. Berdasarkan kepada dapatan kajian, lebih daripada 75% kumpulan belia Malaysia yang menunjukkan mereka menghayati tahap disiplin diri yang baik. Sebahagian besar responden menunjukkan mereka menjaga akhlak, imej, keperibadian dan batas pergaularan mereka, menguruskan masa dengan baik dan sentiasa mematuhi undang-undang negara. Ini

bermakna, kumpulan belia yang dikaji mempunyai perwatakan yang beretika, sarat dengan nilai-nilai moral yang menjadi teras kepada pembentukan sebuah masyarakat yang berintegriti. Penghayatan terhadap tahap disiplin diri yang baik ini akan mendorong kepada pembentukan keperibadian yang murni dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam pada itu, perkembangan sedemikian akan turut mendorong kepada kehidupan yang lebih harmoni.

JADUAL 7. Dimensi nilai: Disiplin diri

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya menjaga akhlak, imej, keperibadian dan batas pergaularan saya	2 (0.5)	22 (5.5)	376 (94.0)
Saya menguruskan masa dengan baik	8 (2.0)	52 (13.0)	340 (85.0)
Saya sentiasa mematuhi undang-undang negara tidak kira di mana berada	10 (2.5)	75 (18.8)	315 (78.8)

Jadual 8 menunjukkan etos bangsa responden bagi dimensi nilai sub-dimensi demokrasi. Hasil kajian memaparkan lebih 75% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan penghayatan nilai demokrasi yang tinggi. Sebilangan besar responden menunjukkan mereka mengiktiraf semua orang mempunyai hak yang sama, menerima perbezaan politik dan pendekatan perkongsian kuasa, serta menunaikan tanggungjawab sebagai

pengundi. Perkembangan sedemikian menunjukkan bahawa belia Malaysia telah memahami keadaan persekitaran masyarakat mereka, mempunyai kesedaran sosiopolitik dan memahami sistem demokrasi berparlimen yang diaplikasikan dalam sistem pemerintahan negara. Kesedaran yang baik terhadap nilai demokrasi ini akan mendorong kepada kestabilan politik dan seterusnya dapat menjamin kestabilan negara.

JADUAL 8. Dimensi nilai: Demokrasi

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Semua orang mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang	9 (2.3)	67 (16.8)	324 (81.0)
Saya menerima wujudnya kedudukan politik yang berbeza di antara kaum	11 (2.8)	80 (20.0)	309 (77.3)
Perkongsian kuasa adalah perlu untuk menjamin kestabilan negara	7 (1.8)	71 (17.8)	322 (80.5)
Saya menunaikan tanggungjawab saya sebagai pengundi	1 (0.3)	73 (18.3)	326 (81.5)

Dimensi kedua yang diukur ialah dimensi perasaan dan semangat. Perasaan dan semangat etos nasional merujuk kepada sentimen bersifat kebangsaan yang telah meresap ke dalam jiwa golongan muda. Bagi mengukur dimensi perasaan dan semangat belia terhadap negara, sebanyak tiga sub-dimensi telah digunakan iaitu; (i) perasaan kekitaan bersama; (ii) semangat patriotisme dan nasionalisme; dan (iii) kewarganegaraan Malaysia.

Berdasarkan kepada Jadual 9, persepsi etos bangsa kumpulan belia yang dikaji bagi sub-dimensi perasaan kekitaan bersama memaparkan lebih 80% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan mereka mempunyai perasaan kekitaan bersama yang tinggi. Sebahagian besar golongan belia yang dikaji mengiktiraf yang Malaysia adalah kepunyaan bersama semua

kumpulan etnik, menerima Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan konsep ketuanan Melayu, serta mempunyai kesedaran bersama untuk menjaga nama baik negara. Ini bermakna golongan belia Malaysia telah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan hidup bersama dalam persekitaran masyarakat pelbagai etnik di negara ini. Mereka juga mengiktiraf beberapa perkara yang menjangkaui batasan etnik mereka seperti kedudukan agama Islam yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta dominasi politik orang-orang Melayu. Perasaan kekitaan bersama ini bukan sahaja wajar untuk dihayati dalam kehidupan rakyat Malaysia yang pelbagai etnik tetapi menjadi teras keharmonian masyarakat dan mendorong kesepadan sosial yang lebih menyeluruh.

JADUAL 9. Dimensi perasaan dan semangat: Perasaan kekitaan bersama

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Negara ini bukan kepunyaan orang Melayu sahaja, tapi hak semua rakyat Malaysia	9 (2.3)	57 (14.2)	334 (83.5)
Saya menerima Malaysia adalah sebuah negara Islam	5 (1.3)	73 (18.3)	322 (80.5)
Saya menerima konsep ketuanan Melayu	6 (1.5)	56 (14.0)	338 (84.5)
Saya bertanggungjawab menjaga nama baik negara	5 (1.3)	64 (16.0)	331 (82.8)

Jadual 10 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi patriotisme dan nasionalisme. Hasil kajian memaparkan lebih 60% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan penghayatan terhadap semangat patriotisme dan nasionalisme yang tinggi. Sebilangan besar responden menunjukkan mereka rela mengorbankan harta benda dan nyawa demi negara, bersedia dikerah sekiranya negara saya diancam oleh

musuh, memberikan taat-setia tanpa berbelah-bahagi pada negara dan amat cintakan negara. Perkembangan ini membuktikan bahawa golongan belia mempunyai kesedaran yang baik terhadap kepentingan kenegaraan serta nasional, serta mereka bersedia berkorban demi negara tercinta. Semangat kebangsaan yang terpupuk ini menjadi teras kepada kestabilan negara dan pemangkin kepada pembentukan sebuah masyarakat yang sejahtera.

JADUAL 10. Dimensi perasaan dan semangat: Patriotisme dan nasionalisme

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya rela mengorbankan harta benda dan nyawa saya demi negara	26 (6.5)	97 (24.3)	277 (69.3)
Saya bersedia dikerah sekiranya negara saya diancam oleh musuh	12 (3.0)	129 (32.3)	259 (64.8)
Saya memberikan taat-setia tanpa berbelah-bahagi pada negara saya	10 (2.5)	98 (24.5)	292 (73.0)
Saya amat cintakan negara saya	6 (1.5)	87 (21.8)	307 (76.8)

Jadual 11 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi kewarganegaraan Malaysia. Hasil kajian memaparkan lebih 70% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan penghayatan terhadap semangat kewarganegaraan Malaysia yang tinggi. Sebahagian besar golongan belia yang dikaji menyatakan mereka tidak akan berhijrah ke negara lain, akan kekal sebagai

warganegara Malaysia buat selamanya, walaupun dalam keadaan susah mahupun senang dan akan terus menyumbangkan khidmat bakti kepada negara. Ini bermakna telah tertanam semangat kesetiaan yang tinggi terhadap negara, yang mana mereka tidak berpaling tадah terhadap negara. Ibarat kata pepatah Melayu, ‘hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, dan adalah lebih baik di negeri sendiri’.

JADUAL 11. Dimensi perasaan dan semangat: Kewarganegaraan Malaysia

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya tidak akan berhijrah ke negara lain	30 (7.5)	85 (21.3)	285 (71.3)
Saya akan kekal sebagai warganegara Malaysia selamanya, walaupun dalam keadaan susah mahupun senang	5 (1.3)	111 (27.8)	284 (71.0)
Saya akan bekerja dan menyumbangkan tenaga bakti saya kepada negara	3 (0.8)	79 (19.8)	318 (79.5)

Dimensi ketiga yang diukur ialah kepercayaan. Kepercayaan merujuk kepada keyakinan dan pegangan seseorang individu atau perkumpulan individu terhadap unsur-unsur yang bersifat kenegaraan. Dalam mengukur dimensi kepercayaan yang menjadi pegangan dan mempengaruhi keyakinan belia, sebanyak lima sub-dimensi telah digunakan merangkumi; (i) kepercayaan bahawa mereka berkongsi sejarah yang sama; (ii) keyakinan terhadap perkongsian masa hadapan; (iii) kepercayaan dan keyakinan terhadap perlembagaan

dan undang-undang negara; (iv) kepercayaan dan keyakinan terhadap dasar-dasar negara; serta (v) kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan dan kepimpinan negara.

Berdasarkan kepada Jadual 12, persepsi etos bangsa kumpulan belia yang dikaji bagi sub-dimensi kongsi sejarah memaparkan lebih 70% daripada jumlah keseluruhan responden yang menyatakan mereka berkongsi sejarah negara. Sebahagian besar golongan belia yang dikaji mengakui dan mengiktiraf bahawa perjuangan mencapai kemerdekaan adalah

perjuangan bersama antara pelbagai kumpulan etnik, tragedi 13 Mei 1969 adalah sejarah hitam negara yang wajib dielakkan dan penubuhan Malaysia adalah hasil kejayaan kerjasama antara pelbagai kaum. Ini bermakna golongan belia yang dikaji mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap perkembangan sejarah negara walaupun mereka tidak melalui sendiri pengalaman pahit manis yang dilalui oleh datuk nenek terdahulu.

Apa yang lebih penting ialah tentang penerimaan dan pengiktirafan kumpulan belia pelbagai etnik terhadap peranan serta sumbangan pelbagai kumpulan etnik sewaktu menuntut kemerdekaan dan penggubalan perlumbagaan negara. Perkembangan ini bukan sahaja menjadikan mereka sedar sejarah tetapi sejarah silam tersebut boleh dijadikan landasan bermakna kepada pembentukan sebuah negara-bangsa yang lebih unggul.

JADUAL 12. Dimensi kepercayaan: Kongsi sejarah

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Perjuangan mencapai kemerdekaan adalah perjuangan bersama antara pelbagai kumpulan etnik	6 (1.5)	83 (20.8)	311 (77.8)
Tragedi 13 Mei 1969 adalah sejarah hitam negara yang wajib dielakkan	7 (1.8)	96 (24.0)	297 (74.3)
Penubuhan Malaysia adalah hasil kejayaan kerjasama antara pelbagai kaum	4 (1.0)	64 (16.0)	332 (83.0)

Jadual 13 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi kongsi masa depan. Hasil kajian memaparkan lebih 70% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan pemahaman mereka terhadap perkongsian masa depan negara. Sebahagian besar golongan belia yang dikaji menyatakan mereka mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia, mereka yakin dan jelas dengan hala tuju serta wawasan negara, mereka berfikiran positif terhadap negara dan yakin negara akan mencapai status negara

maju pada tahun 2020 nanti. Ini membawa makna bahawa golongan belia yang dikaji mempunyai pandangan yang positif tentang masa depan Malaysia yang lebih maju, aman dan damai. Perkembangan ini juga boleh menjadi penanda aras kepada kesediaan mereka untuk bekerjasama antara satu sama lain melibatkan kepelbagaian kumpulan etnik demi sama-sama membangunkan negara di masa hadapan. Perkembangan positif ini amat baik bagi masa depan Malaysia.

JADUAL 13. Dimensi kepercayaan: Kongsi masa depan

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Masa depan saya di Malaysia adalah cerah	1 (0.3)	66 (16.5)	333 (83.3)
Saya yakin dan jelas dengan hala tuju dan wawasan negara	2 (0.5)	118 (29.5)	280 (70.0)
Saya adalah seorang yang berfikiran positif terhadap negara	3 (0.8)	87 (21.8)	310 (77.5)
Saya yakin negara akan mencapai status negara maju pada tahun 2020 nanti	10 (2.5)	64 (16.0)	326 (81.5)

Jadual 14 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi kepercayaan terhadap perlumbagaan dan undang-undang negara. Hasil kajian memaparkan lebih 75% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap perlumbagaan dan undang-undang negara. Sebilangan besar responden menunjukkan mereka memahami bahawa Perlumbagaan adalah undang-undang tertinggi negara, yakin dan

percaya undang-undang di Malaysia adalah adil dan saksama, undang-undang di Malaysia dapat menjamin keselamatan rakyat dan kemakmuran negara, serta menyatakan keyakinan bahawa perlumbagaan dan undang-undang negara dapat menjamin kebebasan asasi manusia. Perkembangan ini menunjukkan bahawa golongan belia yang dikaji faham dan jelas tentang perlumbagaan dan undang-undang negara yang memberikan keadilan dan kesaksamaan untuk semua tanpa mengira perbezaan

latar belakang etnik. Walaupun sepihama yang diketahui umum terhadap beberapa perkara dalam peruntukan Perlembagaan seperti Perkara 153 tentang kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak yang dilihat boleh menjelaskan soal kesamarataan

antara kumpulan etnik, tetapi mereka secara tidak langsung menunjukkan kefahaman tentang kontrak sosial yang dipersetujui oleh para generasi terdahulu. Perkembangan positif ini amat baik bagi kelestarian pembangunan negara dan kestabilan politik Malaysia.

JADUAL 14. Dimensi kepercayaan: Perlembagaan dan undang-undang

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara	0 (0.0)	50 (12.5)	350 (87.5)
Undang-undang di Malaysia adalah adil dan saksama	3 (0.8)	50 (12.5)	347 (86.8)
Undang-undang di Malaysia dapat menjamin keselamatan rakyat dan kemakmuran negara	8 (2.0)	78 (19.5)	314 (78.5)
Saya yakin perlembagaan dan undang-undang negara dapat menjamin kebebasan asasi manusia	4 (1.0)	67 (16.8)	329 (82.3)

Jadual 15 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi kepercayaan terhadap dasar-dasar negara. Hasil kajian memaparkan hampir 70% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap dasar-dasar negara. Sebilangan besar responden menunjukkan mereka memahami bahawa penghayatan prinsip Rukun Negara dapat memupuk keharmonian dalam masyarakat, yakin dan percaya dasar-dasar Malaysia memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat serta membela rakyatnya

tanpa mengira etnik, agama dan budaya, dan mereka yakin dan percaya ‘Satu Malaysia’ adalah gagasan yang baik untuk semua rakyat Malaysia. Ini membawa makna bahawa golongan belia yang dikaji memahami dasar-dasar yang dilaksanakan di Malaysia walaupun tidak sepenuhnya, mereka menerima dan mengiktiraf yang dasar-dasar kerajaan memberi keutamaan kepada rakyat dan peluang yang sama rata kepada semua kumpulan etnik yang wujud di Malaysia.

JADUAL 15. Dimensi kepercayaan: Dasar-dasar negara

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Penghayatan prinsip Rukun Negara dapat memupuk keharmonian dalam masyarakat	8 (2.0)	67 (16.8)	325 (81.3)
Dasar-dasar Malaysia memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat	9 (2.3)	114 (28.5)	277 (69.3)
Dasar-dasar Malaysia membela rakyatnya tanpa mengira etnik, agama dan budaya	6 (1.5)	97 (24.3)	297 (74.3)
‘Satu Malaysia’ adalah gagasan yang baik untuk semua rakyat Malaysia	4 (1.0)	74 (18.5)	322 (80.5)

Jadual 16 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi kepercayaan terhadap kerajaan dan kepimpinan negara. Hasil kajian memaparkan lebih 70% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan dan kepimpinan negara. Sebahagian besar responden menunjukkan mereka yakin dan percaya bahawa Perdana Menteri cukup berwibawa dalam menerajui kepimpinan

negara, kerajaan Malaysia mempunyai keupayaan yang tinggi dalam membangunkan negara serta kerajaan dan pemimpin negara memahami masalah rakyat dan sentiasa membela kebijakan rakyat. Ini bermakna golongan belia yang dikaji menaruh kepercayaan yang tinggi terhadap kepimpinan negara khususnya dalam usaha untuk terus membangunkan negara, membasmi kemiskinan, menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh

rakyat, serta mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian di dalam negara. Walaupun pada masa kini wujud krisis kepimpinan negara, akan tetapi

krisis tersebut tidak membawa kesan yang terlalu besar terhadap keyakinan dan kepercayaan golongan belia terhadap pemimpin negara.

JADUAL 16. Dimensi kepercayaan: Kerajaan dan kepimpinan negara

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Perdana Menteri cukup berwibawa dalam menerajui kepimpinan negara	23 (5.8)	53 (13.3)	324 (81.0)
Kerajaan Malaysia mempunyai keupayaan yang tinggi dalam membangunkan negara	15 (3.8)	68 (17.0)	317 (79.3)
Kerajaan dan pemimpin negara memahami masalah rakyat dan sentiasa membela kebijakan rakyat	28 (7.0)	92 (23.0)	280 (70.0)

Dimensi keempat yang diukur ialah identiti. Identiti yang ditekankan dalam konteks etos bangsa ini bersifat kebangsaan (*a sense of national identity*) yang dapat melahirkan rasa keterikatan dan kebersamaan di antara satu sama lain di bawah satu payung negara. Hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa dalam konteks masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia, wujud kerencaman daripada segi identiti berdasarkan kepada lokaliti, etnisiti, budaya, agama dan pelbagai lagi. Ini bermakna setiap individu boleh mempunyai lebih daripada satu identiti. Bentuk identiti mana yang lebih kuat itu bergantung kepada individu itu sendiri terutamanya pengalaman sosialisasi yang dilaluinya. Lantaran itu, bentuk identiti berdasarkan kepada tafsiran autoriti amat penting dalam melihat keterikatan dan kesetiaan seseorang terhadap negaranya. Sehubungan dengan itu, dalam mengukur dimensi identiti belia, sebanyak empat sub-dimensi telah digunakan iaitu; (i) identiti sebagai satu bangsa Malaysia (daripada segi penerimaannya); (ii) bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan; (iii) simbol-simbol kedaulatan negara; dan (iv) beli barang buatan Malaysia.

Berdasarkan kepada Jadual 17, persepsi etos bangsa kumpulan belia yang dikaji bagi sub-dimensi

bangsa Malaysia memaparkan lebih 75% daripada jumlah keseluruhan responden yang menyatakan mereka menerima dan mengiktiraf konsep bangsa Malaysia. Sebahagian besar golongan belia yang dikaji mengakui bahawa mereka bangga lahir sebagai anak Malaysia, mereka menerima bangsa Malaysia adalah bangsa pelbagai etnik, menerima bangsa Malaysia yang mempunyai pelbagai agama, tradisi dan kepercayaan serta mengakui perpaduan adalah tunjang pembentukan bangsa Malaysia. Generasi belia hari ini yang lahir dalam persekitaran masyarakat pelbagai etnik, budaya, agama dan kepercayaan telah memahami dan mengiktiraf hakikat kepelbagaian yang wujud di negara ini dan menerima dengan baik konsep bangsa Malaysia yang berteraskan kepada perpaduan dalam kepelbagaian. Ini membawa makna golongan belia ini mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa bangsa Malaysia tidak hanya dibentuk oleh satu kumpulan etnik sahaja dan mereka perlu berlapang dada untuk kenal-mengenali, faham-memahami dan bantu-membantu antara satu sama lain walaupun wujud beberapa perbezaan yang tidak dapat dielakkan. Keadaan ini menjamin keharmonian di Malaysia.

JADUAL 17. Dimensi identiti: Bangsa Malaysia

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya bangga lahir sebagai anak Malaysia	11 (2.8)	63 (15.8)	326 (81.5)
Saya menerima bangsa Malaysia adalah bangsa pelbagai etnik	8 (2.0)	93 (23.3)	299 (75)
Saya menerima bangsa Malaysia yang mempunyai pelbagai agama, tradisi dan kepercayaan	5 (1.3)	87 (21.8)	308 (77.0)
Perpaduan adalah tunjang pembentukan bangsa Malaysia	4 (1.0)	60 (15.0)	336 (84.0)

Jadual 18 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi bahasa Malaysia. Hasil kajian memaparkan lebih 85% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan penerimaan dan pengiktirafan yang tinggi terhadap bahasa Malaysia. Sebahagian besar responden menunjukkan mereka mengakui bahawa bahasa Malaysia adalah alat perpaduan negara dan mereka merasa bangga apabila berkomunikasi menggunakan bahasa Malaysia setiap hari dalam kehidupan mereka. Perkembangan positif ini adalah selari dengan dasar negara yang mengangkat bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Ini

bermakna bahawa golongan belia di negara ini telah mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa bahasa Malaysia itu bukan sahaja sebagai alat perpaduan tetapi sebagai lambang identiti diri yang menjadi kebanggaan bersama. Apa yang lebih menarik ialah penerimaan dan pengiktirafan kumpulan belia etnik Cina dan India terhadap bahasa Malaysia yang mungkin menjadi bahasa kedua atau bahasa ketiga mereka. Penerimaan dan pengiktirafan tersebut secara langsung mahupun tidak langsung, sedar ataupun tidak telah mencorakkan identiti kebangsaan ke dalam jati diri mereka.

JADUAL 18. Dimensi identiti: Bahasa Malaysia

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Bahasa Malaysia adalah alat perpaduan negara	1 (0.3)	55 (13.8)	344 (86.0)
Saya bangga apabila berkomunikasi menggunakan bahasa Malaysia setiap hari	2 (0.5)	51 (12.8)	347 (86.8)

Jadual 19 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi simbol negara. Hasil kajian memaparkan lebih 75% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan penerimaan dan pengiktirafan yang tinggi terhadap simbol-simbol negara Malaysia. Sebahagian besar responden menunjukkan mereka mengakui bahawa raja adalah payung negara, mereka bangga dengan bendera Malaysia dan merasa terhina apabila ada pihak yang membakar bendera negara, mereka akan berdiri menghormati lagu Negara ku apabila dimainkan dan merasa marah apabila ada orang tidak berdiri

seolah-olah tidak hormat kepada lagu kebangsaan. Perkembangan sedemikian membuktikan bahawa golongan belia di negara ini telah mempunyai tahap literasi politik yang baik dan memahami simbol identiti kebangsaan sebagai suatu simbol jati diri rakyat Malaysia. Selain itu, golongan belia yang dikaji mempunyai kefahaman yang baik tentang sistem sosial rakyat Malaysia dan menjadi sebahagian daripadanya. Perkembangan positif ini menjadi tunjang pembentukan identiti kebangsaan yang lebih mantap.

JADUAL 19. Dimensi identiti: Simbol negara

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Raja adalah payung negara	11 (2.8)	65 (16.3)	324 (81.0)
Saya bangga dengan bendera Malaysia dan merasa terhina apabila ada pihak yang membakar bendera negara	12 (3.0)	80 (20.0)	308 (77.0)
Saya berdiri apabila lagu Negara ku dimainkan	5 (1.3)	62 (15.5)	333 (83.3)
Saya marah apabila ada orang tidak berdiri bila lagu Negara ku dimainkan	3 (0.8)	54 (13.5)	343 (85.8)

Jadual 20 menunjukkan etos bangsa responden bagi sub-dimensi beli barang Malaysia. Hasil kajian memaparkan lebih 70% daripada jumlah keseluruhan responden yang menunjukkan mereka menyokong dan mengiktiraf barang buatan

Malaysia. Sebahagian besar responden menunjukkan mereka lebih gemar membeli barang buatan Malaysia berbanding barang import, mereka mengutamakan barang buatan Malaysia, dan mereka merasa bangga dengan kereta nasional iaitu

Proton dan Perodua. Ini bermakna bahawa kumpulan belia yang dikaji mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan untuk menyokong barang buatan Malaysia. Mereka tetap berbangga dan menggunakan barang tempatan walaupun terdapat rasa tidak puas hati terhadap kualitinya sekiranya

dibandingkan dengan produk import. Perkembangan positif ini membuktikan bahawa golongan belia di negara ini secara langsung mahupun tidak langsung menunjukkan mereka mempunyai semangat patriotisme dan nasionalisme yang tinggi dan sentiasa menyokong serta mendukung aspirasi negara.

JADUAL 20. Dimensi identiti: Beli barang Malaysia

Item	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Saya lebih gemar membeli barang buatan Malaysia berbanding barang import	28 (7.0)	83 (20.8)	289 (72.3)
Barangan buatan Malaysia perlu diutamakan oleh semua rakyat kita	29 (7.2)	86 (21.5)	285 (71.3)
Saya bangga dengan kereta Proton dan Perodua	12 (3.0)	72 (18.0)	316 (79.0)

Secara keseluruhannya, hasil analisis persepsi belia terhadap etos bangsa memaparkan sekitar 70%-80% daripada kumpulan belia yang dikaji menunjukkan respons yang positif tentang semua dimensi yang diukur. Dalam konteks nilai, kajian mendapati telah wujud nilai-nilai terpusat yang dikongsi bersama antara belia pelbagai etnik di negara ini. Penghayatan terhadap nilai-nilai masyarakat yang bersifat bersama ini membawa satu dimensi baru dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik Malaysia. Dalam erti kata yang sebenarnya, etos bangsa yang kuat mendorong masyarakat ke arah suatu cara hidup yang lebih sempurna (Eisner 1994), berteraskan nilai-nilai murni yang mendukung budaya setempat (McLaughlin 2005) dan nilai-nilai yang menjadi teras cara hidup bermasyarakat. Selain itu, kajian ini mendapati wujud perasaan dan semangat yang berteraskan kepada platform nasional. Hal ini membuktikan wujudnya keterikatan emosi pada negara yang kuat dalam kalangan kumpulan belia yang dikaji. Keterikatan emosi negara akan memacu kepada pembentukan identiti kolektif (Guibernau 2013). Keterikatan emosi negara juga menunjukkan kesediaan masyarakat untuk berkongsi budaya, sejarah, wilayah dan masa depan negara (Guibernau 2013).

Di samping itu, perkembangan etos bangsa belia ini diperkuatkan lagi dengan wujudnya keyakinan dan kepercayaan yang tinggi terhadap beberapa perkara yang dikongsi bersama. Wujudnya unsur-unsur keyakinan dan kepercayaan yang dikongsi bersama menjadi faktor utama kepada pembentukan karakter atau etos masyarakat (Bar-Tal 2000).

Dan kepercayaan itu bukanlah melibatkan semua unsur kepercayaan masyarakat tetapi melibatkan unsur-unsur yang dominan sahaja (Bar-Tal 2000) dan dalam konteks kajian ini unsur-unsur tersebut terpusat kepada unsur kepercayaan yang bersifat kebangsaan. Wujudnya unsur-unsur kepercayaan yang dikongsi bersama ini menjadi pemangkin kepada keharmonian di Malaysia. Dalam pada itu, kajian turut mendapati bahawa kumpulan belia yang dikaji telah menampakkan wujudnya identiti yang seragam. Keadaan ini boleh memberi gambaran sebenar tentang penerimaan dan pengiktirafan terhadap identiti sebangsa. Perkembangan ini menyokong pandangan Abdul Rahman (2006) yang menghujahkan bahawa generasi baru hari ini telah menganggap diri mereka sebagai anak Malaysia dan menerima dengan baik gagasan bangsa Malaysia. Ini bermakna etos bangsa telah terbina dalam diri sebahagian besar golongan belia yang dikaji.

Walau bagaimanapun, terdapat sekitar 20%-30% golongan belia yang dikaji masih menunjukkan tingkat keamatan etos bangsa yang kurang memberangsangkan. Walaupun peratusan tersebut nampak kecil iaitu sekitar satu perempat daripada jumlah keseluruhan responden kajian, tetapi kumpulan belia ini perlu diberi perhatian serius memandangkan mereka juga menjadi sebahagian daripada tunjang utama negara pada masa hadapan. Faktor kenapa dan mengapa masih terdapat sebilangan kecil golongan belia yang bersikap negatif perlu dikaji dengan lebih teliti supaya segala permasalahan tersebut boleh diatasi dengan segera. Kita tidak mahu kerana ‘nila setitik akan merosakkan susu sebelanga’.

KESIMPULAN

Dalam konteks masyarakat berbilang etnik seperti Malaysia, usaha ke arah untuk terus memperkasa jati diri dalam kalangan golongan belia yang menjadi tunjang dan tulang belakang negara pada masa hadapan perlu dilaksanakan daripada masa ke semasa. Salah satu elemen utama yang tidak mendapat perhatian sewajarnya ialah aspek pembinaan etos bangsa yang menjadi teras kepada pembentukan jati diri kebangsaan. Elemen ini sentiasa terlepas pandang memandangkan ianya wujud dalam keadaan yang lebih tersirat meresap ‘masuk’ dan ‘menjadi’ sebatی dengan aliran darah’ serta ‘meliputi seluruh saluran pernafasan’ dalam kehidupan seseorang individu. Oleh sebab itu, pembentukan etos bangsa ke dalam jati diri golongan belia sentiasa harus ditanam, dipupuk, disemai, dibajai, disirami dan dibelai supaya ia terus sentiasa subur dalam diri seseorang.

Berdasarkan kepada kajian persepsi belia tentang etos bangsa ini, hasil kajian menunjukkan wujudnya penerimaan yang cukup baik terhadap etos bangsa dalam kalangan belia Malaysia. Ini membuktikan bahawa etos bangsa telah terbina dalam diri belia hari ini. Perkembangan ini dapat dilihat melalui wujudnya penghayatan terhadap nilai-nilai yang dikongsi bersama yang menjadi pegangan masyarakat setempat seperti nilai kerjasama, nilai toleransi, nilai hormat, nilai disiplin diri dan nilai demokrasi. Begitu juga dalam konteks perasaan dan semangat, telah lahir semangat kekitaan bersama, semangat patriotik dan nasionalis yang tinggi kepada negara serta semangat kewarganegaraan Malaysia. Daripada segi kepercayaan, kumpulan belia yang dikaji tanpa mengira kumpulan etnik yakin dan percaya mereka berkongsi sejarah yang sama, berkongsi masa depan, yakin dan percaya terhadap perlombagaan dan undang-undang negara, dasar-dasar negara serta kerajaan dan kepimpinan negara. Di samping itu, identiti negara juga terbina dalam diri para belia kini dengan penerimaan terhadap konsep umum bangsa Malaysia, penerimaan terhadap bahasa Malaysia dan simbol-simbol kedaulatan negara serta sokongan terhadap barangang buatan Malaysia. Kesemua dimensi yang diukur tersebut membina dan membentuk etos bangsa serta menjadi sebagai suatu unsur yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain, dan mengikat individu dengan negara berteraskan kepada elemen utama yang menjadi pegangan masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2006. *Negara-Bangsa: Proses dan Perbaahan*. Edisi ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adey, P. 2012. How to engage? Assemblage as ethos/ethos as assemblage. *Dialogues in Human Geography* 2(2): 198-201.
- Allder, M. 1993. The meaning of ‘school ethos’. *Westminster Studies in Education* 16: 59-69.
- Bar-Tal, D. 2000. *Shared Beliefs in a Society: Social Psychological Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Borg, W. B and Gall, M. D. 1990. *Educational Research*. Longman: New York.
- Burchard, D. J. H. O'S. 2005. Ethos, ethics and endeavors: New horizons in family nursing. *Journal of Family Nursing* 11(4): 354-370.
- Donnelly, C. 2000. In pursuit of school ethos. *British Journal of Educational Studies* 48(2): 134–154.
- Eisner, E. 1994. *Editorial in School Climate and Ethos Conference Report*. Dundee: Scottish Consultative Council on the Curriculum.
- Etzioni, A. 2009. Minorities and the national ethos. *Politics* 29(2): 100-110.
- Ezhar Tamam, Wendy Yee, Fazilah Idris, Azimi Hamzah, Zainal Abidin Mohamed, Wong Su Luan dan Mansor Mohd Noor. 2005. The relationship of exposure to news media with attachment to the national ethos. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 13(2): 187-198.
- Frobish, T. S. 2003. An origin of a theory: A comparison of ethos in the Homeric Iliad with that found in Aristotle's rhetoric. *Rhetoric Review* 22(1): 16-30.
- Guibernau, M. 2013. *Belonging: Solidarity and Division in Modern Societies*. Cambridge: Polity Press.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement* 30(3).
- Lomsky-Feder, E. & Rapoport, T. 2001. Homecoming, immigration and the national ethos: Russian – Jewish homecomers reading Zionism. *Anthropological Quarterly* 74(1): 1-14.
- Mahathir Mohamad. 1992. Towards a united Malaysian nation. Ucapan di Majlis Makan Malam United Malaysian Nation by the year 2020. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan. 31 Januari.
- Majid Al-Haj. 2005. *National Ethos, Multicultural Education and the New History Textbooks in Israel*. Malden: Blackwell Publishing.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- McClosky, H. & Brill, A. 1983. *Dimensions of Tolerance: What Americans Believe About Civil Liberties*. New York: Russell Sage Foundations.
- McClosky, H. & Zaller, J. 1984. *The American Ethos: Public Attitudes Toward Capitalism and Democracy*. Cambridge: Harvard University Press.
- McLaughlin, T. 2005. The educative importance of ethos. *British Journal of Educational Studies* 53(3): 306-325.

- Mohd Mahadee Ismail. 2015. Sosialisasi Politik, Etos Nasional dan Negara-Bangsa: Kajian Pendidikan Sivik dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam kalangan Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM). Tesis Dr. Falsafah, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Shamsul Amri Baharuddin, Mustafa Omar & Mansor Mohd. Noor. 2004. Identiti nasional dan etos bangsa. *Dewan Budaya* 26(8): 9-13.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Shamsul Amri Baharuddin, Mustafa Omar & Mansor Mohd. Noor. 2003. Pengasimilasian identiti nasional dan etos bangsa di kalangan rakyat Malaysia: Satu kajian sosio-budaya. Laporan Penyelidikan. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oppenheim, A. N. 2004. *Questionnaire Design, Interviewing and Attitude Measurement*. London: Heinemann.
- Oren, N. 2009. *The Israeli Ethos of Conflict 1967-2006*. George Mason University: Institute for Conflict Analysis and Resolution.
- Schwaninger, M. 2006. *Intelligent Organizations Powerful Models for Systemic Management*. Berlin: Springer.
- Sekaran, U. 1992. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Second Ed. New York: John Wiley & Sons.
- Speake, J. 1999. The Oxford essential dictionary of foreign terms in English. Berkley Books, Oxford University Press. www.oxfordreference.com/vies/ENTRY.html?subview>Main&entry=t33.e2286 [13 Feb 2012].
- Swenson, D. 2008. *Religion and Family Link*. New York: Springer Science & Business Media.
- Tuckman, B.W. 1999. *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Wiersma, W. 1995. *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston Allyn and Bacon.

Nazri Muslim
Pusat Citra
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: nazrimuslim@yahoo.com

Mohd Mahadee Ismail
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
E-mail: mahadee@upm.edu.my

Azizah Ya'acob
Pusat Citra
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: aziey@ukm.edu.my

Diserahkan: 11 Mei 2016
Diterima: 23 Jun 2016

